

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 18 JULAI 2018 (RABU)**

**SOALAN : 71**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat sistem aduan bagi pelajar untuk mengemukakan aduan terhadap penguji (*tester*) yang menggagalkan mereka dengan sengaja dalam ujian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sekiranya terdapat mekanisme tersebut :-

- (a) siapakah yang mengetuai unit siasatan dan berapa lamakah proses siasatan tersebut dapat disiapkan; dan
- (b) nyatakan jumlah kes aduan terhadap penguji yang menggagalkan pelajar secara sengaja yang diterima oleh JPJ sejak tahun 2013 hingga sekarang.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berpandukan kepada Arahan Jabatan Bil.6 tahun 2005 menyatakan bahawa, mana-mana calon yang tidak berpuas hati dengan keputusan pengujian yang dijalankan oleh penguji JPJ, calon boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh 3 hari dari tarikh keputusan ujian dikeluarkan dengan mengemukakan borang rayuan yang disediakan di Institut Memandu (IM).

Dalam hal ini, satu Jawatankuasa Ujian Memandu akan bersidang yang dipengerusikan oleh Pengarah Negeri JPJ atau Ketua Cawangan JPJ bagi menentukan rayuan yang dikemukakan sama ada berasas atau sebaliknya. Sekiranya rayuan yang dikemukakan diterima oleh pihak jawatankuasa, calon yang terlibat dibenarkan untuk diuji semula tanpa dikenakan sebarang bayaran pengujian.

Selanjutnya, sekiranya calon masih tidak berpuas hati dengan keputusan daripada Jawatankuasa atau ingin mengemukakan sebarang aduan kepada pihak Jabatan, calon boleh berbuat demikian dengan melaporkan aduan berserta bukti-bukti bagi menyokong dakwaan ke alamat email rasmi jabatan [aduan@jpi.gov.my](mailto:aduan@jpi.gov.my) / [aduanintegriti@jpi.gov.my](mailto:aduanintegriti@jpi.gov.my).

Sejak tahun 2013 sehingga Jun 2018, JPJ hanya menerima 12 aduan yang dihantar oleh calon mengenai calon gagal ujian memandu.

**JUMLAH KES ADUAN MENGENAI CALON GAGAL UJIAN  
MEMANDU DARI TAHUN 2013 HINGGA 2018**

TAHUN	JUMLAH
2013	0
2014	4
2015	2
2016	1
2017	2
2018	3
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>12</b>

Sebagai hala tuju masa depan Kementerian melalui JPJ akan memperkenalkan sistem pengujian secara elektronik yang dikenali sebagai E-Testing di semua IM). Melalui sistem ini, kaedah pengujian tidak lagi dibuat oleh para penguji anggota JPJ secara manual tetapi dijalankan secara automasi komputer tanpa intervensi manusia. Dengan pelaksanaan kaedah E-testing ini, pertikaian berhubung dengan kegagalan calon semasa menduduki ujian memandu dapat dikurangkan. Untuk makluman, projek printis E-testing ini akan dilaksanakan di negeri Johor pada bulan Ogos 2018.